

Pantun Dua Kerat (Nasihat )- Tingkatan 1

1. *Sarang semut dalam gelap*

*Orang selimut selalu lelap*

Rangkap pantun ini membawa maksud

- A. kita akan berselimut semasa tidur
- B. orang yang asyik berselimut akan banyak tidur
- C. tidur penting dalam kehidupan kita

2. *Hitam-hitam pucuk kawa,*

*Sungguh hitam dipandang lawa*

Maksud rangkap ini ialah..

- A. orang yang berkulit hitam sangat menarik
- B. setiap orang mesti reda dengan nasib mereka
- C. setiap orang mempunyai kekurangan dan kelemahan masing-masing
- D. hitam putih kehidupan

3. Pantun ini berbentuk terikat.

- A. betul
- B. salah

4. Berikut merupakan ciri-ciri Pantun Dua Kerat (Nasihat) kecuali...

- A. Bentuk pantun inii terikat.
- b. setiap rangkap pantun ini mempunyai dua baris.
- c. rima akhir pantun ini ialah a,b,a,b
- d. pantun ini terdiri daripada 5 rangkap.

5. *Sungguh hitam dipandang lawa.*

Contoh ini merupakan

- a. hiperbola
- b. aliterasi
- c. asonansi
- d. simile

6. Berikut merupakan sikap manusia yang terdapat dalam pantun ini kecuali..

- A. sikap orang yang suka tidur
- b. sikap orang yang pemaaf
- c. sikap orang yang malas berusaha
- d. sikap orang yang reda dengan ketentuan Tuhan

7. Berikut merupakan persoalan yang terdapat dalam pantun ini kecuali..

- A. Sifat manusia itu akan terserlah pada setiap perbuatan dan tingkah lakunya
- B, Semangat patriotik perlu diterapkan dalam diri kita.
- c. Orang yang kuat tidur tidak aktif dan tidak produktif.
- d. Orang yang malas berusaha tidak akan berjaya untuk memperoleh sesuatu

8. Sikap yang rajin amat penting untuk melonjakkan kejayaan seseorang dalam apa-apa sahaja bidang yang diceburinya.

Pada pendapat anda, bagaimanakah kita dapat membina sikap rajin pada diri kita?